

Persepsi Ibu Bapa Terhadap Autisme Dari Sudut Kepercayaan Budaya Dan Mitos: Satu Kajian Asas

Munirah Zulkifli dan Raja Rodziah Raja Zainal Hassan

Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampus Sungai Long
mazlinaahmad@hufs.ac.kr; rodziahr@utar.edu.my

ABSTRAK

Berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan Malaysia, peratusan kanak-kanak yang menghidap autisme di Malaysia semakin meningkat setiap tahun. Hal ini sejajar dengan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa yang mendapatkan penilaian awal untuk mengenal pasti simptom autisme dalam kalangan anak-anak mereka. Terdapat banyak maklumat yang dikongsikan di media sosial tentang autisme dari sudut perubatan moden. Namun, terdapat juga maklumat tentang autisme yang dikongsikan berdasarkan kepercayaan budaya ataupun mitos. Nilai kepercayaan dan budaya masyarakat merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi persepsi ibu bapa tentang autisme dan rawatan susulan untuk anak-anak mereka. Bagi ibu bapa yang terpengaruh dengan informasi tentang autisme yang mempunyai unsur kepercayaan budaya dan mitos, mereka lebih cenderung untuk memilih rawatan tradisional bagi memulihkan anak-anak mereka. Secara tidak langsung, wujudnya percanggahan dalam kalangan ibu bapa tentang cara mengendalikan anak-anak autisme dari sudut perubatan moden dan tradisional. Objektif kajian adalah untuk meneliti unsur-unsur kepercayaan budaya dan mitos dalam informasi tentang autisme yang disebarkan melalui media sosial. Kajian ini juga untuk mengenal pasti tahap penerimaan ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme terhadap maklumat yang dikongsikan di media sosial berdasarkan kepercayaan budaya dan mitos. Tinjauan kajian dijalankan dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui analisis statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan media sosial dalam kalangan ibu bapa dan penjaga untuk mendapatkan maklumat tentang autisme adalah tinggi. Namun, pengetahuan tentang autisme dalam kalangan ibu bapa atau penjaga adalah sederhana. Begitu juga dengan maklumat di media sosial tentang persepsi ibu bapa atau penjaga yang kebanyakannya tidak terpengaruh atau percaya kepada kepercayaan budaya dan mitos.

Kata kunci: Autisme, kepercayaan budaya, mitos, media sosial, informasi perubatan

PENDAHULUAN

Peratusan kanak-kanak yang menghidap autisme di Malaysia semakin meningkat setiap tahun. Hal ini berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) menyatakan bahawa takrifan autisme sebagai gangguan mental yang mula muncul pada peringkat kanak-kanak yang menyebabkan seseorang berkelakuan tidak normal dan sukar berkomunikasi dengan masyarakat. Pendapat tentang autisme juga ditakrifkan oleh Kaarrtini dan Hilwa (2019) menyatakan autisme merupakan sejenis kecelaruan neuro tingkah laku di mana individu autisme mempunyai masalah dalam kognisi, sosio-emosi dan interaksi sosial dan autisme boleh didiagnosis dalam seseorang individu seawal usia 3 tahun. Oleh itu, autisme ini bukanlah ditarifikan sebagai penyakit tetapi merupakan kecelaruan neurologi perkembangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, keadaan anak autisme boleh dirawat melalui intervensi awal seawal umur 2 tahun setengah atau 3 tahun. Hal ini sejajar dengan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa yang mendapatkan penilaian awal untuk mengenal pasti simptom autisme dalam kalangan anak-anak mereka.

Terdapat banyak maklumat yang dikongsikan di media sosial tentang autisme dari sudut perubatan moden. Walaupun hakikatnya autisme ni merupakan kecelaruan neuro tingkah laku, tetapi pelbagai persepsi daripada ibu bapa terhadap autisme ni berkaitan dengan kepercayaan budaya dan mitos. Nilai kepercayaan dan budaya masyarakat merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi persepsi ibu bapa tentang autisme dan rawatan susulan untuk anak-anak mereka. Persepsi ibu bapa tentang autisme wujud dari segi positif dan negatifnya. Menurut Suhaily dan Siti Syuhada (2017), kurangnya ilmu pengetahuan mengenai sindrom autisme menyebabkan persepsi masyarakat yang negatif mengenai kanak-kanak autisme yang seterusnya memberikan kesan negatif terhadap ibu bapa yang mempunyai anak autistik.

Selain itu, wujud percanggahan dalam kalangan ibu bapa tentang cara mengendalikan anak-anak dari segi perubatan moden dan tradisional boleh berlaku terutamanya maklumat yang diterima melalui media sosial. Salah satu simptom anak autisme ini merupakan lewat pertuturan (*speech delay*). Berdasarkan maklumat yang terdapat di media sosial, ada juga yang menyebarkan perihal lewat pertuturan dengan beberapa kepercayaan budaya dan mitos yang dikongsikan di media sosial. Antaranya apabila anak itu lewat bercakap atau bertutur pada usia yang sepatutnya, mereka inginkan punca keadaan itu berlaku, salah satunya kepercayaan budaya yang berkaitan dengan menanam uri selepas bersalin. Situasi ini ingin mengenal pasti sama ada keadaan uri yang ditanam pada jarak yang agak dalam atau sebaliknya. Kemudian menyebarkan maklumat berdasarkan kaedah dan cara untuk rawatan lewat percakapan itu yang berpaksikan kepada kepercayaan budaya contohnya dengan cara memandikan anak tersebut menggunakan sumber air tujuh kolah masjid. Informasi perubatan tradisional yang pantas seperti ini di media sosial akan memberi pelbagai persepsi ibu bapa kepada anak autisme. Pengkajian ini sejajar dengan pendapat Saliha (2015) menyatakan bahawa masyarakat Melayu, walaupun sudah lama berabad menerima agama Islam, tetapi pengaruh kepercayaan sebelumnya masih melekat terutama sekali kepercayaan ananisme.

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti unsur-unsur kepercayaan budaya dan mitos dalam informasi tentang autisme yang disebarkan melalui media sosial. Kajian ini juga untuk mengenal pasti tahap penerimaan ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme terhadap maklumat yang dikongsikan di media sosial berdasarkan kepercayaan budaya dan mitos.

SOROTAN LITERATUR

Kajian autisme yang telah dijalankan di Malaysia merangkumi pelbagai aspek seperti pendidikan, kejuteraan, teknologi maklumat, perubatan dan psikologi (Kaur et al., 2015). Kajian-kajian ini bertujuan untuk memahami faktor dan kesan autism, serta kaedah perubatan dan teknologi bagi tujuan intervensi autisme. Namun, kajian autisme dari segi kepercayaan budaya dan mitos adalah sangat terhad di Malaysia. Menurut Kumar et al. (2023), masyarakat Asia yang berbilang kaum mempunyai fahaman yang berbeza berkaitan kesihatan dan penyakit. Kajian tentang pengaruh budaya ke atas risiko penyakit terbatas oleh kesukaran untuk mendalami individu dan kelompok sosial (Dressler & Bindon, 2000).

Dari segi perubatan, autisme tidak dilihat sebagai satu penyakit. Autism boleh didefinisikan sebagai ketidakupayaan perkembangan yang secara signifikannya mempengaruhi komunikasi lisan, bukan lisan, dan interaksi sosial (Zainun et al., 2019). Kajian-kajian perubatan terdahulu tentang pengaruh kepercayaan budaya dari segi kesihatan boleh diaplikasikan di dalam kajian berkaitan autisme kerana ia dapat meningkatkan pemahaman masyarakat tentang autisme dari sudut perubatan dan menghindari penyebaran maklumat yang tidak tepat tentang autisme.

Kepercayaan budaya boleh didefinisikan sebagai kepercayaan yang dipelajari dan dikongsi oleh sesuatu kumpulan manusia (Weller, 2005). Kepercayaan budaya dapat mempengaruhi perlakuan dan pemikiran seseorang individu dari kelompok budaya tersebut (Murray, 2005). Menurut Wyatt et al. (2012), nilai-nilai budaya boleh dipengaruhi oleh lebih dari satu budaya dan juga faktor persekitaran yang tidak dapat dikawal oleh individu. Nilai-nilai budaya merupakan nilai yang diterima dan dikongsi oleh masyarakat dari segi tingkah laku dan tanggapan terhadap sesuatu perkara (Ramadinah et al., 2022). Kajian ini juga meneliti kesan unsur-unsur kepercayaan budaya terhadap penyebaran maklumat tentang autisme di media sosial. Nilai-nilai budaya juga dipengaruhi oleh mitos dalam masyarakat.

Mitos didefinisikan sebagai kepercayaan songsang yang bertentangan dengan bukti dan sinonim dengan cerita karut nenek moyang (Cohen, 2012). Kajian mitos tentang autisme di Malaysia lebih berkaitan kepada kesan vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak yang boleh menyebabkan autisme (Kalok et al., 2020; Mukhtar et al., 2022). Mitos perubatan selalunya didokong oleh kepercayaan oleh masyarakat dan juga para doktor berdasarkan kenyataan-kenyataan yang sering dikongsi umum hingga menimbulkan persoalan samada pernyataan tersebut adalah benar atau tidak (Vreeman & Carroll, 2007). Mitos yang menyatakan bahawa vaksin dan merkuri merupakan punca autisme telah digembar-gemburkan oleh kenyataan yang tidak tepat oleh sesetengah saintis, ibu bapa yang sangat peka dengan keadaan anak mereka tetapi mengalami kekecewaan serta pernyataan oleh ahli-ahli politik (Davidson, 2017).

Mitos-mitos lain berkaitan autisme yang disebarkan di media sosial juga menyentuh tentang kepercayaan budaya dan mistik di dalam masyarakat. Menurut S. Ahmad (2002), di Asia Tenggara, perubatan tradisional merupakan satu cabang sains yang dipraktikkan oleh pengamal perubatan turun-temurun dan merupakan alternatif kepada perubatan barat moden. Malah, perubatan tradisional telah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat terutamanya yang tinggal di luar bandar dan kampung serta bagi masyarakat Orang Asli.

Perubatan tradisional atau alternatif menjadi pilihan masyarakat terutamanya apabila penyakit tidak mempunyai ikhtiar cara rawatan di hospital dan klinik kesihatan serta pesakit yang hampir putus harapan (K. Ahmad et al., 2013). Kekurangan ilmu tentang punca autisme serta kenyataan mengenai autisme akan kekal sehingga anak-anak meningkat dewasa boleh mendorong ibu bapa atau penjaga untuk memilih rawatan tradisional atau alternatif bagi mengubati autisme. Oleh yang sedemikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti penerimaan ibu bapa atau penjaga anak autisme terhadap mitos perubatan serta kepercayaan budaya yang dikongsi di media sosial, sama ada maklumat itu penting atau sebaliknya.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian asas mengenai tahap penerimaan ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak-anak autisme terhadap maklumat yang dikongsikan di media sosial berdasarkan kepercayaan budaya dan mitos. Reka bentuk kajian ini merupakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data berkaitan latar belakang responden, kekerapan penggunaan media sosial dan persepsi ibu bapa atau penjaga terhadap maklumat tentang autisme yang dikongsikan di media sosial.

Kajian dijalankan di atas talian menggunakan *Google Form*. Pautan borang dikongsi di *Facebook* Autism Malaysia dan dihantar melalui perkhidmatan *Whatsapp* kepada ibu bapa atau penjaga anak-anak autisme yang berpotensi sebagai responden. Kaedah persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah persampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*). Persampelan bukan kebarangkalian adalah berdasarkan penilaian subjektif yang memudahkan responden dipilih daripada unit populasi (Ayhan, 2011). Responden dipilih daripada kalangan ibu bapa atau penjaga anak-anak autisme yang sudi menjawab persoalan kajian secara sukarela.

Dalam persampelan sukarela, keputusan untuk mengambil bahagian sangat bergantung pada responden (Wolf et al., 2016). Jumlah responden yang menjawab soal selidik adalah seramai 37 orang.

Instrumen soal selidik dibina sendiri oleh pengkaji dan telah dihantar untuk disemak oleh jawatankuasa penyelidikan universiti untuk kesahan konstruk dan kesahan kandungan instrumen. Soal selidik yang dibina mengandungi tiga bahagian, iaitu maklumat umum tentang responden (Bahagian A), pengaruh dan penggunaan media sosial terhadap pengetahuan tentang autisme (Bahagian B) dan persepsi ibu bapa atau penjaga terhadap autisme dari sudut kepercayaan budaya dan mitos (Bahagian C). Jumlah item soal selidik adalah sebanyak 20 item, iaitu Bahagian A sebanyak 6 item, Bahagian B sebanyak 8 item dan bahagian C sebanyak 6 item. Soal selidik tersebut menggunakan skala *Likert* lima aras, iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), *neutral*/berkecuali (3), setuju (4), dan sangat setuju (5).

Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) melalui analisis statistik deskriptif. Data deskriptif menggunakan frekuensi dan skor min bagi mengenal pasti tahap pengetahuan tentang autisme. Dapatan skor min diinterpretasikan kepada tiga tahap seperti dalam Jadual 1 berdasarkan rujukan daripada Zainun et al. (2019);

Jadual 1 Penghuraian data bagi tahap penilaian skor min

Min	Tahap Penilaian
0.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Responden kajian ini terdiri daripada 37 orang ibu bapa atau penjaga kepada anak autisme iaitu lelaki 6 orang (16.2%) berbanding golongan perempuan ibu-ibu iaitu 31 orang responden (83.8%). Umur pula untuk 3 katagori iaitu 30 tahun-40 tahun sebanyak 17 orang (45.9%), 40 tahun-50 tahun mernagkumi 45.9 % iaitu 17 orang dan kategori terakhir 50 tahun hingga 60 tahun menunjukkan 3 orang iaitu 8.1 %. Responden untuk kajian ini memperlihatkan status perkahwinan meliputi 33 orang (89.2%) yang sudah berkahwin berbanding bapa tunggal atau ibu tunggal sebanyak 4 orang sahaja (10.8%). Dari segi tempat tinggal pula 94.6% (35 orang) responden berasal dari bandar dan 5.4% (2 orang) berasal dari kawasan luar bandar. Terdapat juga soalan asas yang berkaitan anak tersebut sudah didiagnos atau tidak iaitu 36 orang (97.3%) sudah didiagnos dan seorang sahaja responden yang belum diagnos iaitu 2.7 %. Begitu juga melalui tahap anak autisme berada pada empat tahap iaitu tahap rendah 20 orang (54.1%), tahap sederhana 9 orang (24.3%), tahap tinggi ada seorang (2.7%) dan tidak pasti 7 orang (18.9%) seperti jadual di bawah. Perincian mengenai data demografi responden kajian ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 2 Data demografi responden

Item	N	%
Jantina		
Lelaki	6	16.2 %
Perempuan	31	83.8 %
Umur		
30 - 40 Tahun	17	45.9 %
40 - 50 Tahun	17	45.9 %
50 - 60 Tahun	3	8.1 %
Status Perkahwinan		
Berkahwin	33	89.2 %
Bapa tunggal/ibu tunggal	4	10.8 %
Tempat tinggal		
Bandar	35	94.6 %
Luar Bandar	2	5.4 %
Adakah anak anda sudah didiagnos?		
Ya	36	97.3 %
Tidak	1	2.7 %
Tahap ASD Anak		
Tahap rendah	20	54.1 %
Tahap sederhana	9	24.3 %
Tahap tinggi	1	2.7 %
Tidak pasti	7	18.9 %

Pengaruh dan Penggunaan Media Sosial Terhadap Pengetahuan Tentang Autisme

Berdasarkan Jadual 3, data yang diperolehi menunjukkan kesemua responden (100%) mempunyai akaun sosial media. Penggunaan media sosial yang paling tinggi adalah lebih daripada 4 jam dalam sehari, iaitu sebanyak 10 orang (27%). Ini diikuti oleh seramai 9 orang (24.3%) yang menggunakan media sosial di antara durasi 1- 2 jam, 8 orang (21.6%) yang menggunakan media sosial di antara durasi 2 – 3 jam, 6 orang (16.2%) yang menggunakan media sosial di antara durasi 3 – 4 jam dan yang paling rendah adalah kurang daripada 1 jam sehari ialah sebanyak 4 orang (10.8%). Majoriti daripada responden sebanyak 33 orang (89.2%) menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat tentang autisme dan hanya 4 orang (10.8%) yang tidak menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat tentang autisme.

Jadual 3 Kadar penggunaan media sosial

Item	N	%
Mempunyai akaun media sosial		
Ya	37	100.0
Kadar penggunaan media sosial		
Kurang dari 1 jam	4	10.8
1 - 2 jam	9	24.3
2 - 3 jam	8	21.6
3 - 4 jam	6	16.2
Lebih dari 4 jam	10	27.0
Menggunakan media sosial untuk mendapat maklumat autisme		
Ya	33	89.2
Tidak	4	10.8

Jadual 4 menyenaraikan data peratusan tentang pengetahuan ibu bapa atau penjaga tentang autisme. Terdapat 5 item yang merujuk kepada maklumat umum tentang autisme. Antara pernyataan yang disenaraikan ialah definisi autisme dari sudut perubatan dan juga faedah intervensi awal bagi anak-anak autisme. Jadual peratusan berikut adalah berdasar skala likert 1 hingga 5 yang merangkumi “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju.”

Jadual 4 Data peratusan pengetahuan ibu bapa/penjaga tentang autisme

Item	Pernyataan	1	2	3	4	5
a.	Autisme merupakan masalah kecelaruan perkembangan yang mengakibatkan kesukaran dalam komunikasi sosial dan juga melibatkan tingkah laku.	5.4	2.7	5.4	40.5	45.9
b.	Autisme diwarisi dalam keluarga.	45.9	24.3	27.0	2.7	
c.	Autisme boleh dipulihkan dan kanak-kanak tidak akan lagi mempunyai autisme bila dewasa.	18.9	32.4	32.4	16.2	
d.	Autisme boleh dirawat melalui intervensi awal dan terapi yang berterusan.	2.7	5.4	8.1	32.4	51.4
e.	Anak autisme boleh berdikari sekiranya diberikan pendidikan formal dan sokongan di dalam bidang yang diceburi.	2.7	8.1	35.1	54.1	

Nota : 1- Sangat tidak setuju 2- Tidak setuju 3-Tidak pasti 4- Setuju 5- Sangat setuju

Merujuk kepada Jadual 5, secara keseluruhannya tahap pengetahuan ibu bapa atau penjaga tentang autisme adalah di tahap sederhana, iaitu dengan skor min sebanyak 3.42 dan sisihan piawai 0.96. Terdapat 3 Item yang melebihi skor min 4.0 iaitu Item 5, 4 dan 1 yang dikategorikan sebagai sebagai tahap tinggi. Skor min yang paling tinggi ialah Item 5 - Anak autisme boleh berdikari sekiranya diberikan pendidikan formal dan sokongan di dalam bidang yang diceburi, iaitu sebanyak 4.38 dan sisihan piawai 0.861. Ini diikuti oleh Item 4 - Autisme boleh dirawat melalui intervensi awal dan terapi yang berterusan, dengan skor min 4.24 dan sisihan piawai

1.011. Item 1 - Autisme merupakan masalah kecelaruan perkembangan yang mengakibatkan kesukaran dalam komunikasi sosial dan juga melibatkan tingkah laku, mempunyai skor min sebanyak 4.19 dan sisihan piawai 1.050. Item 3 - Autisme boleh dipulihkan dan kanak-kanak tidak akan lagi mempunyai autisme bila dewasa, sebanyak 2.46 dan sisihan piawai 0.989 berada di tahap sederhana. Item 2 - Autisme diwarisi dalam keluarga adalah merupakan skor min yang paling rendah sebanyak 1.86 dan sisihan piawai 0.918.

Jadual 5 Min dan sisihan piawai tahap pengetahuan ibu bapa/penjaga tentang autisme

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Pengetahuan
1.	Autisme merupakan masalah kecelaruan perkembangan yang mengakibatkan kesukaran dalam komunikasi sosial dan juga melibatkan tingkah laku.	4.19	1.050	Tinggi
2.	Autisme diwarisi dalam keluarga.	1.86	0.918	Rendah
3.	Autisme boleh dipulihkan dan kanak-kanak tidak akan lagi mempunyai autisme bila dewasa.	2.46	0.989	Sederhana
4.	Autisme boleh dirawat melalui intervensi awal dan terapi yang berterusan.	4.24	1.011	Tinggi
5.	Anak autisme boleh berdikari sekiranya diberikan pendidikan formal dan sokongan di dalam bidang yang diceburi.	4.38	0.861	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.42	0.96	Sederhana

Persepsi Ibu Bapa Atau Penjaga Terhadap Autisme Dari Sudut Kepercayaan Budaya dan Mitos

Berdasarkan survei bahagian ini iaitu persepsi ibu bapa atau penjaga terhadap anak autisme dari sudut kepercayaan budaya dan mitos, terdapat 6 item dijawab oleh 37 responden. Pernyataan tersebut adalah berdasarkan kepercayaan budaya dan mitos orang Melayu yang boleh dikatakan penyebab kepada terjadinya autisme kepada anak-anak melalui maklumat di media sosial. Berikut di bawah merupakan jadual peratusan berdasarkan skala *Likert* tentang persepsi ibu bapa atau penjaga dari sudut kepercayaan budaya dan mitos.

Jadual 6 Data peratusan persepsi ibu bapa/penjaga terhadap autisme dari sudut kepercayaan budaya dan mitos (%)

Item	Pernyataan	1	2	3	4	5
a.	Penyakit Autisme disebabkan oleh unsur-unsur mistik seperti jin, terkena sampuk dan roh.	83.8	13.5	2.7		
b.	Salah satu rawatan yang berkesan untuk merawat Autisme ialah rawatan tradisional seperti jampi dan penggunaan tangkal.	91.9	8.1			
c.	Mempunyai anak Autisme adalah disebabkan oleh kifarah/balasan terhadap dosa silam ibu bapa atau keluarga.	81.1	8.1	5.4	5.4	
d.	Autisme disebabkan oleh si ibu yang terkenan gejala-gejala atau perkara-perkara yang tidak baik sewaktu mengandung.	81.1	16.2	2.7		
e.	Autisme disebabkan oleh pemakanan yang tidak berzat dan bermutu rendah.	62.2	16.2	13.5	8.1	

f.	Autisme disebabkan pengambilan suntikan vaksin ketika bayi.	62.2	21.6	13.5		2.7
----	---	------	------	------	--	-----

Nota : 1- Sangat tidak setuju 2- Tidak setuju 3-Tidak pasti 4- Setuju 5- Sangat setuju

Merujuk kepada item-item yang diberikan, ternyata persepsi ibu bapa atau penjaga kepada anak autisme sangat tidak setuju dengan pernyataan mengenai kepercayaan budaya dan mitos tersebut kerana peratusan tersebut memperlihatkan sangat tinggi bagi skala *sangat tidak setuju* bagi item-item yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, ada segelintir yang *bersetuju* dengan pernyataan item tersebut. Hal ini boleh dilihat bahawa persepsi ibu bapa atau penjaga kepada anak autisme ini pada era kini lebih kepada tidak percaya kepada maklumat kebudayaan mitos seperti unsur-unsur mistik, terkena sampuk, penggunaan jampi dan sebagainya dan bukanlah penyebab utama kepada terjadinya anak autisme.

PERBINCANGAN

Ibu bapa atau penjaga kepada anak-anak autisme menggunakan media sosial secara meluas, tidak kira peringkat umur yang tua dan muda, atau yang tinggal di bandar atau luar bandar. Kadar penggunaan media sosial menunjukkan kadar penggunaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa atau penjaga. Ibu bapa atau penjaga kepada anak-anak autisme menggunakan media sosial untuk mendapatkan sumber maklumat tentang autisme. Dengan kesedaran awal dalam kalangan ibu bapa atau penjaga tentang autisme, majoriti ibu bapa atau penjaga telah melakukan diagnosis terhadap anak mereka untuk mengenal pasti tahap autisme yang anak mereka hadapi.

Dari sudut pengetahuan ibu bapa atau penjaga tentang autisme, mereka memahami bahawa autisme merupakan masalah kecelaruan perkembangan yang mengakibatkan kesukaran dalam komunikasi sosial dan juga melibatkan tingkah laku. Majoriti ibu bapa atau penjaga iaitu 40.5% setuju dan 45.9% sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Ini dapat dikaitkan dengan jumlah 97.3% yang mewakili majoriti ibu bapa atau penjaga telah pun mendapatkan diagnosis bagi anak-anak mereka. Berdasarkan data yang diperolehi, 81.1% ibu bapa atau penjaga telah pun mengenal pasti tahap autisme anak masing-masing.

Namun dapatan kajian menunjukkan ibu bapa atau penjaga mempunyai tahap kesedaran yang sederhana tentang autisme. Kebanyakan ibu bapa atau penjaga percaya bahawa anak mereka boleh berdikari sekiranya diberikan pendidikan formal dan sokongan di dalam bidang yang diceburi iaitu sebanyak 54.1%. Mereka juga bersetuju bahawa intervensi awal dan terapi yang berterusan dapat membantu merawat anak-anak autisme dengan peratusan sebanyak 83.8%.

Walaupun bagaimanapun, pendapat berkenaan autisme dapat dipulihkan apabila anak-anak semakin dewasa menunjukkan ibu bapa atau penjaga mempunyai pandangan yang berbeza. Sebanyak 51.3% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 16.2% merasakan anak-anak autisme dapat dipulihkan dan selebihnya, 32.4% adalah berkecuali. Autism merupakan kondisi yang kekal hingga anak meningkat dewasa, akan tetapi masalah-masalah yang timbul akibat autisme boleh dibendung dan dikawal melalui sesi terapi yang berterusan. Dapatan menunjukkan ibu bapa atau penjaga masih kurang pendedahan tentang perkara tersebut kerana masih ada yang beranggapan autisme dapat dipulihkan apabila anak meningkat dewasa.

Ibu bapa atau penjaga juga tidak pasti sama ada autisme boleh diwarisi dalam keluarga. Terdapat banyak maklumat yang dikongsi di media sosial tentang autisme tetapi ibu bapa atau penjaga masih keliru tentang perkara tersebut. Menurut Hui et al. (2021), ia amat penting untuk memahami bahawa peningkatan kesedaran tentang autisme dalam kalangan masyarakat adalah tidak selari dengan peningkatan ilmu tentang autisme. Berdasarkan data, 70.2% tidak bersetuju bahawa autisme boleh diwarisi dalam keluarga. 27.2% daripada ibu bapa atau penjaga adalah

berkecuali dan 2.7% setuju dengan pernyataan tersebut. Dari sudut perubatan, para saintis masih tidak dapat mengenal pasti punca autisme akan tetapi, topik ini sering menjadi perbualan di media sosial kerana masyarakat secara umumnya masih kurang pemahaman tentang autisme. Hal ini mungkin dapat mempengaruhi ibu-bapa dan penjaga anak-anak autisme.

Selain itu, maklumat di media sosial berunsur kepercayaan budaya iaitu kepercayaan mistik seperti jin, sampuk dan roh memperlihatkan persepsi ibu bapa atau penjaga bahawa anak mereka bukanlah disebabkan perkara mistik tersebut terjadinya autisme tetapi ada yang tidak pasti berkenaan perkara ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga ibu bapa yang terpaksa mendapatkan rawatan bomoh atau dukun untuk merawat anak mereka atas sebab faktor orang tua (golongan datuk dan nenek anak autisme) yang percaya terhadap perkara-perkara mistik tersebut. Bahkan hal ini menjadi budaya masyarakat Melayu dahulu kerana kurang pendedahan terhadap autisme. Malah ada juga mendapatkan rawatan untuk merawat anak autisme dengan rawatan tradisional seperti jampi dan penggunaan tangkal dan menganggap autisme ini sebagai penyakit. Menurut Saliha (2015) orang Melayu dalam masyarakat tradisional mempercayai bahawa penyakit yang dideritai oleh seseorang itu adalah akibat daripada kuasa ghaib. Oleh itu, memandangkan responden sampel kebanyakannya daripada kawasan bandar, maka kepercayaan budaya ini bukanlah penyebab utama yang disebarkan di media sosial.

Tetapi jika dilihat melalui persepsi ibu bapa atau penjaga anak autisme memperlihatkan bahawa mempunyai anak autisme adalah disebabkan oleh kifarah atau balasan terhadap dosa silam ibu bapa atau keluarga. Data memperlihatkan ada yang bersetuju dengan pernyataan ini di media sosial. Pendapat daripada Abdul Rashid (2007) menyatakan bahawa ibu bapa berperasaan negatif, berkabung, berasa dukacita, marah atau enggan menerima hakikat sebenar dan berada dalam keadaan yang menyedihkan. Hal ini boleh dikaitkan berperasaan negatif dan merasakan anak autisme ini disebabkan oleh dosa-dosa lepas. Selain itu, ibu bapa atau penjaga sangat tidak bersetuju dengan pernyataan autisme disebabkan oleh si ibu yang terkenan gejala-gejala atau perkara-perkara yang tidak baik sewaktu mengandung. Hal ini juga merupakan mitos orang-orang tua apabila dikaitkan dengan ibu mengandung.

Walaupun bagaimanapun, persepsi ibu bapa atau penjaga terhadap informasi perubatan iaitu autisme disebabkan pemakanan yang tidak berzat dan bermutu rendah menunjukkan ibu bapa tidak bersetuju dengan pernyataan ini tetapi ada beberapa ibu bapa percaya atau bersetuju dengan pertanyaan ini. Begitu juga dengan mitos yang mengatakan pengambilan suntikan vaksin oleh anak autisme ketika bayi menunjukkan ada ibu bapa memberi persepsi sangat setuju walaupun kebanyakannya sangat tidak bersetuju dengan pernyataan mitos ini. Oleh itu, kajian menunjukkan penggunaan media sosial dalam kalangan ibu bapa atau penjaga untuk mendapatkan maklumat tentang autisme adalah tinggi. Namun, pengetahuan tentang autisme dalam kalangan ibu bapa atau penjaga adalah sederhana.

KESIMPULAN

Pada zaman yang serba moden ini, penggunaan media sosial merupakan suatu kemestian dan majoriti ibu bapa atau penjaga anak-anak autisme mempunyai akaun media sosial. Sebahagian besar daripada responden menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat tentang autisme, tidak kira golongan yang muda atau pun tua. Penggunaan media sosial juga rancak di bandar dan juga kawasan luar bandar. Majoriti responden menggunakan media sosial dalam durasi yang tinggi. Walaupun sedemikian, pengetahuan tentang autisme dalam kalangan ibu bapa atau penjaga adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap penerimaan ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme terhadap maklumat yang dikongsikan di media sosial berdasarkan kepercayaan budaya dan mitos adalah rendah. Namun, masih terdapat sebilangan kecil responden yang masih menganggap vaksin dan pemakanan sebagai punca autisme. Walaupun maklumat dan persepsi ibu bapa yang mempunyai anak autisme

adalah rendah terhadap kepercayaan budaya dan mitos, tetapi kepercayaan budaya dan mitos secara umumnya merupakan alat komunikasi yang paling berkesan dalam memupuk budaya sesebuah masyarakat, mudah diterima daripada segi pemikiran asas masyarakat setempat, sesuai dengan situasi masing-masing iaitu kehidupan sosial budaya masyarakat yang mempercayainya.

CADANGAN

Pengkaji yang berminat untuk mempelopori topik berkaitan dengan persepsi masyarakat terhadap autisme dari sudut kepercayaan budaya dan mitos boleh meluaskan target sampel dan mendekati populasi luar bandar untuk masa hadapan. Bagi tujuan penambahbaikan kajian, instrumen kaji selidik juga boleh diubah kepada kualitatif untuk mendapat maklum balas yang lebih jitu daripada responden. Pengkaji juga boleh memasukkan item-item yang berkaitan dengan penggunaan media sosial dan kepercayaan budaya dan mitos terhadap Autisme. Hal ini untuk memastikan dapatan kajian yang mendalam dan lebih kukuh.

RUJUKAN

- Abdul Rashid bin A. Latiff. (2007). *Autisme, suatu pengenalan dan pengalaman*. Venton Publishing(M) Sdn. Bhd.
- Ahmad, K., Ismail, M. Z., & Rosele, M. I. (2013). Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia : Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal of Al -Thaqafah, February 2016*.
- Ahmad, S. (2002). Traditional medicine in Southeast Asia with special reference to Malaysia and Indonesia. In *Geography, Culture and Education* (pp. 51–64). Springer.
- Ayhan, H. Ö. (2011). *Non-probability Sampling Survey Methods BT - International Encyclopedia of Statistical Science* (M. Lovric (ed.); pp. 979–982). Springer Berlin Heidelberg.
- Cohen, P. S. (2012). Theories of Myth. *Political Science*, 4(3), 337–353.
- Davidson, M. (2017). Vaccination as a cause of autism—myths and controversies. *Dialogues in Clinical Neuroscience*, 19(4), 403–407.
- Dressler, W. W., & Bindon, J. R. (2000). The Health Consequences of Cultural Consonance: Cultural Dimensions of Lifestyle, Social Support, and Arterial Blood Pressure in an African American Community. *American Anthropologist*, 102(2), 244–260.
- Hui, M. L., Lay, W. L., Che Ahmad, A., Ghazali, E. E., Phaik, K. T., & Sien, A. S. L. (2021). A Survey of Lay Knowledge of Autism Spectrum Disorder in Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 19(01), 49–57.
- Kaartini S Nagarajah, & Nor, H. A. @ M. (2019). Pengaruh Internet Terhadap Pengetahuan dan Kesedaran tentang Autisme dalam Kalangan Dewasa Awal. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(December), 1–12.
- Kalok, A., Loh, S. Y. E., Chew, K. T., Abdul Aziz, N. H., Shah, S. A., Ahmad, S., Mohamed Ismail, N. A., & Abdullah Mahdy, Z. (2020). Vaccine hesitancy towards childhood immunisation amongst urban pregnant mothers in Malaysia. *Vaccine*, 38(9), 2183–2189.
- Kaur, J., Engkasan, J. P., Sivanosom, R. S., Bahar, N. H., Toran, H., Noor, M. M., & Kamarudin, K. N. (2015). Technical Report Autism Spectrum Disorder Research in Malaysia. In *Ministry of Health, Malaysia* (Issue December).
- Kumar, K. A., Jeppu, A. K., Devi, N., Saleem, F., Attalla, S. M., & Aktar, M. (2023). Cultural Competency of Medical Students: An Asian Context. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 18(2), 182–189.
- Mukhtar, A. F., Kadir, A. A., Noor, N. M., & Mohammad, A. H. (2022). Knowledge and Attitude on Childhood Vaccination among Healthcare Workers in Hospital Universiti Sains Malaysia. *Vaccines*, 10(7), 1–12.
- Murray, D. J. (2005). *Wundt, Wilhelm* (K. B. T.-E. of S. M. Kempf-Leonard (ed.); pp. 981–986). Elsevier.

- Pustaka, D. B. dan. (n.d.). Kamus Dewan. In *TA - TT* - (Ed. 4., ce). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Ramadinah, D., Setiawan, F., Ramadanti, S., Sulistyowati, H., Ahamad, U., & Yogyakarta, D. (2022). Nilai-Nilai Budaya Dan Upaya Pembinaan Aktivitas Keagamaan Di Mts N 1 Bantul. *PANDAWA : Jurnal Pendidikan Dan Dakwah*, 4(1), 84–95.
- Saliha Musor. (2015). Pengaruh Kepercayaan Pra-Islam Dalam Mantera: Satu Penelitian Terhadap Budaya Perubatan Tradisional Melayu, Daerah Raman, Wilayah Yala. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 153–165.
- Shamsudin, S. M., & Abd Rahman, S. S. (2017). Public Awareness on the Characteristics of Children With Autism in Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 73–81.
- Vreeman, R. C., & Carroll, A. E. (2007). Medical myths. *BMJ*, 335(7633), 1288 LP – 1289.
- Weller, S. C. (2005). *Cultural Consensus Model* (K. B. T.-E. of S. M. Kempf-Leonard (ed.); pp. 579–585). Elsevier.
- Wolf, C., Joye, D., Smith, T., & Fu, Y. (2016). *The SAGE Handbook of Survey Methodology*.
- Wyatt, G. E., Williams, J. K., Gupta, A., & Malebranche, D. (2012). Are cultural values and beliefs included in U.S. based HIV interventions? *Preventive Medicine*, 55(5), 362–370.
- Zainun, Z., Masnan, A. H., Ahmad Bakri, A. Z., Jupari @ Jupry, A., Aspani, S. A., Hassan, N. A., & Zawawi, Z. (2019). Pengetahuan, sikap dan persepsi masyarakat tentang kanak-kanak autism spectrum disorder (ASD). *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 8(1), 19–29.